

Najib akui BN 'underdog' di Kajang

MalaysiaKini.com

Feb 21, 2014

Perdana Menteri merangkap Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Razak mengakui BN akan bertanding di Kajang dalam pilihan raya kecil pada 23 Mac nanti sebagai calon bukan pilihan (*underdog*).

Namun tegasnya, BN akan bekerja dua kali ganda untuk "hasil yang terbaik" apabila memutuskan untuk mencalonkan Naib Presiden MCA, Datin Paduka Chew Mei Fun untuk bertanding di situ.

"Kita akan sokong beliau dan kita harapkan yang terbaik untuknya.

"Kita akan cuba yang paling baik kita boleh buat.

"Kali ini masuk bertanding sebagai 'underdog' tapi BN akan kerja dua kali ganda lebih keras untuk memastikan hasil yang paling baik," katanya pada sidang media di ibu pejabat Umno, PWTC petang ini.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malaysiakini.com/news/255085>